Utusan Borneo: 7 Mei 2025

## Pesawah mengaku bersalah cabul anak perempuan

**KUCHING:** Seorang pesawah mengaku bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesven di sini, semalam atas tuduhan melakukan kesalahan seksual terhadap anak perempuannya yang berusia enam tahun.

Lelaki berusia 34 tahun terbabit membuat pengakuan itu sebaik didakwa mengikut Seksyen 377CA Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak melebihi 30 tahun dan boleh disebat, iika sabit kesalahan.

Sebaik pengakuan bersalah direkodkan, Hakim Iris Awen Jon menetapkan kes disebut semula pada 13 Mei 2025 bagi memberi laluan kepada pihak pendakwaan untuk mengemukakan eksibit.

Iris juga mengarahkan tertuduh untuk direman lanjut sementara menunggu tarikh



DIDAKWA: Tertuduh (dua kiri) diiring polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam.

tersebut.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan seksual dalam satu

kejadian pada April 2025, di sebuah rumah di Tebedu.



## Pesawah mengaku bersalah cabul anak perempuan

## Dari Muka 1

Difahamkan, pengadu iaitu ibu mangsa (isteri tertuduh) mendapati mangsa berada dalam keadaan mencurigakan pada hari kejadian dan selepas melakukan pemeriksaan, pengadu mendapati terdapat kesan kemerahan pada kemaluan mangsa.

Susulanitu, pengadumengesyaki mangsa telah dicabul dan seterusnya membuat laporan polis, selain membawa mangsa ke hospital berdekatan untuk

pemeriksaan.

Dalam pada itu, difahamkan tertuduh juga bakal didakwa di Mahkamah Majistret Serian di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan kerana memiliki bahan lucah di dalam telefon bimbitnya.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff sementara tertuduh tidak diwakili peguam.